

24 JANUARI 2018

## Gigit tangan polis tahan abang

### Gigit tangan polis tahan abang

**Jertih:** Seorang wanita menggigit tangan seorang anggota polis dalam cubaan menghalang abangnya yang terbabit dalam penyalahgunaan dadah daripada ditahan di sebuah stesen minyak di Kampung Raja di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 5 petang, tindakan wanita berusia 22 tahun itu menyebabkan anggota polis berpangkat koperal cedera di tangan kanan.

Wanita itu dan tiga ahli keluarga termasuk ibunya berusia 53 tahun memaki pegawai dan anggota polis Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah yang cuba menahan suspek dadah.

Ketua Polis Daerah Besut



**SUSPEK** dadah yang ditahan.

Superintendan Mohd Zamri Mohd Rowi berkata, suspek berusia 29 tahun itu meloloskan diri ketika pihak-

nya melakukan serbuan di kawasan sebuah rumah di FELDA Selasih jam 1 tengah hari.

Menurutnya, pihaknya menahan seorang lelaki berusia 34 tahun yang juga rakan suspek dalam serbuan di kawasan FELDA Selasih.

“Dalam serbuan itu, 270 biji pil kuda ditemui di dalam beg pinggang dipakai lelaki berkenaan manakala pemeriksaan di atas meja kecil di belakang rumah menemui tujuh botol plastik lutsinar berisi heroin.

“Kami menemui satu beg mengandungi kad pengenalan dan lesen memandu suspek yang melarikan diri,” katanya.